

فَتِيْقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"SUDAH tiba masanya bagi pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk mengkaji kemungkinan bagi mengadakan satu badan atau seumpamanya selaku pihak yang mengawal halal haram bahan-bahan makanan dan minuman, termasuk segala jenis daging serta lain-lain barang gu-
naan di negara ini." - Titah Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan tahun 1997.

Pelita قليتا بروني BRUNEI



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"SESIAPA yang beramal soleh dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik dan sesungguhnya kami akan membalas mereka dengan memberikan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan." - Surah An-Nahl ayat 97.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada hari Selasa, 7 Rejab 1427/1 Ogos 2006.

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-
LAHI Rabbil
hee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu
'Ala Asyrafil Mursaleen,
Sayyidina Muhamaddin,
Wa'alaa Aalihiee Wasah-
bihee Ajma'e'en, Waba'du.

Beta bersyukur ke
hadrat Allah Subhanahu
Wata'ala kerana dapat
hadir di majlis yang meriah
ini.

Di mana-mana sahaja,
kaum belia adalah menjadi

kebanggaan negara. Me-
reka adalah golongan yang
dianggap mampu mencoc-
kkan masa depan serta
juga selaku penerus kesin-
ambungan cita-cita bang-
sa.

Biasanya golongan belia
mempunyai program
dan agenda mereka sendiri.
Mereka bertindak dan ber-
fikir cara mereka. Mereka
muda dan cergas, kerana
itu banyakkah kerja dan
aktiviti yang dapat mereka
lakukan.

Namun begitu, masya-
rakat yang sadar tidak akan
membiarkan para belianya
bersendirian, melainkan
dipedulikan dengan wajarnya.
Ini, bukanlah suatu sekatan
terhadap mereka, cuma se-
bagai usaha ke arah mem-

BELIA PERLU MILIKI PRESTASI PELBAGAI BIDANG

berikan bimbingan.

Kita tidak tunduk ke-
pada pertimbangan wang
ringgit semata-mata, tetapi
mengambil kira, andainya
golongan belia kita tidak
dididik dengan sempurna,
maka apakah yang akan
jadi kepada bangsa dan
negara? Apa kerugian dan
keuntungannya?

Sebagai peneraju masa
depan, golongan belia kita
tidaklah boleh menampak-
kan sikap serta imej yang
tidak serasi dengan 'calak
bangsa'.

Kehidupan beragama
misalnya, adalah ciri khu-
sus kita. Di samping itu,
hidup dikandung adat juga
adalah merupakan budaya
yang berharga.

Dalam wadah budaya,
'Orang Brunei' masih sa-
haja palikat dengan nilai-
nilai berawar galat, meng-
hormati orang tua, lutanan
dan tidak camah mata.
Nilai-nilai inilah yang
membawa kita bangun dan
disegani.

Di samping itu, belia
kita juga perlu memiliki
prestasi di pelbagai bidang,
seperti pendidikan dan ke-
mahiran-kemahiran. Ia bo-
leh dicapai melalui salur-
an-saluran biasa dan juga
latihan-latihan khusus.

Menyedari hakikat ini,
kerajaan beta telah pun
menyediakan institusi-
institusi pendidikan bagi
memperolehi pelbagai ilmu
dan juga kemahiran-ke-
mahiran. Dengan adanya
ini semua, telah membuka
pintu untuk Brunei men-
capai kecemerlangan bagi
jangka waktu yang tidak
terhad.

Kaum belia adalah aset
berharga dalam konteks
'nation building'. Mereka
adalah penyumbang yang
aktif, khasnya di bidang-
bidang kesukarelaan.

Beta amatlah meng-
hargai penglibatan mereka
di bidang ini, kerana ia
mencerminkan kejujuran
serta semangat sedia ber-
korban. Tanpa semangat
ini, semua aktiviti sukar
itu mustahil untuk dijelma-
kan.

Beta yakin, semangat
kesukarelaan bagi seorang
warga bangsa, adalah
menjadi penentu kepada
tinggi rendahnya kemajuan
yang kita capai. Bukankah
pada jiwa yang rela itu
terbuka seribu pintu usaha?

Inilah kekuatan dan ke-
istimewaan semangat ke-
sukarelaan itu.

Dalam pada itu, beta
suka mengingatkan kepada
pemimpin-pemimpin belia
khasnya, dan juga kepada
semua yang hadir, bahawa
golongan belia, terutama
belia remaja adalah sen-
tiasa terdedah kepada
eksploitasi pihak-pihak
tertentu untuk kepentingan
mereka. Ada belia-belia
yang digunakan untuk me-
lariskan pelbagai produk
hiburan dan 'costume'
yang tidak serasi dengan
adat resam bangsa.

Mengapakah belia men-
jadi sasaran?

Kerana sifat-sifat me-
reka yang memang mena-
rik, di samping juga faktor
kejiwaan, di mana mereka
mudah terpengaruh kepada
perkara-perkara hangat dan
baru.

Kesempatan inilah yang

sering diambil oleh pihak-
pihak yang berkaitan itu
tanpa memperdulikan,
sama ada baik ataupun
buruk.

Eksplotasi terhadap ke-
lemahan-kelemahan belia
seumpama ini wajarlah
jangan dibiarkan, tetapi
perlu diambil perhatian
serius serta ditangani oleh
kita semua, khasnya para
pemimpin belia sendiri.

Program-program me-
nyuntik kesedaran perlulah
disusun, termasuk juga
untuk para ibu bapa dan
masyarakat, sebelum ianya
menjadi isu sosial yang
kronik.

Beta memahami, ba-
hawa produk-produk da-
lam bentuk hiburan dan
'costume' itu, impaknya
kepada belia adalah di-
anggap minimal dengan
alasan, sifatnya hanyalah
bermusim dan tidak kekal.
Tetapi pada beta, kita
jangan sekali-kali lupa,
bahawa apa yang disemai,
itulah pula yang akan di-
tuai.

Jadi berhati-hatilah.
Marilah kita sama-sama
memuhasabah diri untuk
kecemerlangan para belia
dan kecemerlangan semua.

Bersempena dengan
sukut baik kehadiran para
pemimpin belia dari selu-
ruh ceruk rantau negara,
maka beta dengan ini suka-
cita mengisytiharkan, ba-
hawa pada setiap satu
haribulan Ogos adalah se-
bagai Hari Belia Kebang-
saan.

Wabillahit Taufik Wal-
hidayah, Wassalamu'alai-
kum Warahmatullahi Wa-
barakatuh.

Hari Belia Kebangsaan 1 Ogos:

MEMBANGKITKAN SEMANGAT KESUKARELAAN

1 OGOS, mempunyai pengertian yang sangat besar makna dan ertinya kepada belia di negara ini, terutama para pemimpin belia kita yang berjasa di atas penglibatan dan sumbangan mereka kepada pembangunan di negara ini iaitu sambutan Hari Belia Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassan Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan tersebut bertitah "*Bersempena dengan sukut baik kehadiran para pemimpin belia dari seluruh ceruk rantau dan negara, maka beta dengan ini sukacita mengisytiharkan bahawa pada setiap SATU HARIBULAN OGOS adalah sebagai HARI BELIA KEBANGSAAN.*" Inilah semangat yang baginda laungan sendiri sebagai raja dan pemimpin negara yang berjiwa rakyat yang sentiasa perhatian para belia di negara ini yang merupakan golongan yang dianggap mampu menorkan masa depan serta juga penerus kesinambungan cita-cita bangsa.

Sesungguhnya keberangkatan baginda bersama menyambut Hari Belia 2006 ini

membuktikan kesungguhan dan keprihatinan baginda terhadap perkembangan dan pergerakan belia di negara ini. Ianya juga merupakan wadah ke arah menyemarakkan semangat perpaduan dan kenegaraan di kalangan belia di seluruh negara. Suasana perhimpunan ini dapat menjana seluruh aktiviti pembangunan belia di negara ini ke arah mencapai entiti barisan belia yang terus maju dalam pelbagai bidang yang diceburi.

Hari ini adalah juga hari bertuah bagi lapan orang penerima Anugerah Belia Berjasa yang memperjuangkan masa, tenaga dengan kerja-kerja kesukarelaan mereka demi bangsa dan negara yang dianugerahkan sendiri oleh baginda sebagai seorang pemimpin negara yang sentiasa menitikberatkan perkembangan belia di negara ini. Mereka terdiri daripada bekas-bekas Yang Dipertua Majlis Belia Brunei (MBB) dari tahun 1959-2000.

Di perhimpunan yang dihadiri seramai hampir 4,000 belia hadir sama-sama memeriahkan sambutan yang penuh bersejarah bukan sahaja sebagai mengenang jasa-jasa pemimpin belia kita yang telah menggerakkan badan-badan kesukarelaan belia bagi pem-

angunan belia negara ini tetapi ianya adalah suatu penghargaan di atas penglibatan serta sumbangan para belia keseluruhannya dalam pembangunan negara, di samping bertujuan untuk mengeratkan persefahaman dan meningkatkan ukhuwah para belia di seluruh negara.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan juga adalah pengiktirafan dan penghargaan negara terhadap pengorbanan serta penglibatan para pemimpin kita memartabatkan kegiatan kaum belia seperti yang diluluskan dalam Dasar Belia Negara (DBN) pada tahun 2002, memperuntukkan supaya diadakan Hari Belia Kebangsaan. Dalam DBN sendiri telah menggariskan panduan dan landasan bagi hala tuju pembangunan belia di negara ini. Matlamat-matlamat yang terkandung di dalam DBN yang perlu dicapai:

- * Menanam dan mengukuhkan pada belia nilai-nilai dan kepercayaan yang terkandung dalam Perlembagaan Negara dan falsafah Melayu Islam Beraja;
- * Memupuk rasa kepunyaan, patriotisme, berlitizam, berazam dan berhaluan jelas;
- * Memperkembangkan di kalangan belia pengekuatan dan kemahiran yang

Oleh: Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

diperlukan serta menanam dalam diri mereka sikap dan kualiti bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, dapat menyesuaikan diri dan berdikari bagi pembangunan negara, di samping mengukuhkan kepaduan negara.

Namun begitu, baginda menyeru agar masyarakat menyedari untuk tidak akan membiarkan para belianya sendiri melainkan dipeduli dengan sewajarnya. Ini bukanlah suatu sekatan terhadap mereka, cuma sebagai usaha ke arah memberikan bimbingan.

Dalam perkara ini baginda menegaskan kita tidak tunduk kepada pertimbangan wang ringgit semata-mata tetapi hendaklah mengambil kira, andainya golongan belia tidak dididik dengan sempurna maka apakah yang jadi kepada bangsa dan negara? Apa kerugian dan keuntungannya. Sebagai peneraju masa depan, golongan belia hendaklah menampakkan sikap dan imej calak bangsa termasuk kehidupan beragama serta hidup dikandung adat juga merupakan budaya yang berharga, di samping memiliki pretasi pelbagai bidang seperti pendidikan dan kemahiran yang boleh dica-

pai melalui latihan-latihan khusus dan saluran-saluran biasa seperti yang disediakan oleh kerajaan baginda pada masa ini. Dengan adanya semua ini akan membuka pintu untuk Negara Brunei Darussalam mencapai kecemerlangan bagi jangka waktu yang tidak terhad.

Antara resolusi yang dicapai dalam Seminar Mendukung Kedaulatan Raja antara lain ialah ingin juga mengambil kira akan diadakan langkah-langkah bersepadu dan positif dilakukan bagi merealisasikan Program Latihan Khidmat Negara Calak Brunei Darussalam untuk menanam semangat patriotisme yang tinggi di kalangan belia.

Dalam hubungan ini baginda menegaskan di hari penuh bersejarah 1 Ogos, bahawa para belia adalah aset yang berharga dalam konteks 'nation building' dan mereka adalah penyumbang yang aktif khususnya di bidang kesukarelaan. Baginda amatlah memberikan penghargaan penglibatan para belia di bidang ini, kerana ianya mencerminkan kejujuran serta semangat sedia berkorban. Tanpa semangat ini, semua aktiviti sukarla itu

mustahil dijamin.

Dalam hubungan ini baginda penuh berkeyakinan dengan semangat kesukarelaan bagi seseorang warga bangsa adalah menjadi penentu kepada tinggi rendahnya kemajuan yang kita capai. Inilah kekuatan dan keistimewaan semangat kesukarelaan.

Mengapa tarikh 1 Ogos dipilih? Ini kerana merupakan hari bersejarah bagi negara ini iaitu Hari Perpustakaan baginda iaitu ketika baginda berusia 22 tahun. Sebulan selepas Hari Perpustakaan, (6 September 1968) baginda bertitah di satu majlis bagi menyemakan ikrar taat setia MBB yang berlangsung di Sekolah Melayu Pusu Ulak, Baginda antara lain bertitah:

"Adalah kena pada tempat dan waktunya bagi beta menyatakan bahawa belia-belia hari ini akan mewakili zamannya adalah merupakan sumber tenaga yang akan sebuah masyarakat yang penuh kesedaran akan tanggungjawab dan Negara Brunei Darussalam yang menikmati ekonomi yang kuat, pada menuntut mata pelajaran berilmu laila pembawaan yang stabil dan suasana sosial yang terkawal serta teratur. Besar Kemungkinan bahawa belia-belia hari ini, dengan

semangat serta daya usaha yang ada akan mempelopori usaha-usaha besar ke arah kebajikan yang sentiasa dihargai dan dikenali serta akan menjadi ristaan yang baik oleh generasi-generasi yang akan datang sepanjang zaman."

Titah ini telah menjadi bahan pemikiran para pemimpin belia tanah air ketika itu dan menghimbau agar para belia terutama para pemimpinnya lebih peka dan bersikap pemedulian dalam apa-apa jua perkara berkebaikan terutama dalam konteks perpaduan masyarakat dan pembangunan negara.

Sekali lagi baginda melahirkan penghargaan penglibatan belia hari ini menyumbangkan secara aktif khasnya di bidang-bidang kesukarelaan, kerana ia mencerminkan kejujuran serta semangat sedia berkorban pada raja, bangsa dan negara seperti yang termaktub dalam ikrar belia antaranya, taat kepada Allah, setia kepada raja, cinta kepada negara, mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam sebagai negara Melayu Islam Beraja dan mematuhi perlembagaan negara, undang-undang dan berakhlak mulia dan terpuji.

BERKENAN BERANGKAT MELANCARKAN SAMBUTAN HARI BELIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen berdiri ketika Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dikumandangkan.



BAGINDA berkenan mengurniakan titah ketika berangkat melancarkan sambutan Hari Belia Kebangsaan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.



BAGINDA mengurniakan anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.



BAGINDA mengurniakan anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.



BAGINDA mengurniakan anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Awang Jaya.



BAGINDA mengurniakan Pemimpin Belia berjasa kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain.

Hampir 5,000 belia hadir perhi

BERAKAS, Selasa, 1 Ogos. - Sambutan Hari Belia Kebangsaan anjuran Jabatan Belia dan Sukan telah berjaya menghimpunkan hampir 5,000 belia mewakili persatuan-persatuan yang bernaung di bawah Majlis Belia Brunei (MBB), hari ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke majlis tersebut yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sambutan yang merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan negara terhadap pengorbanan serta penglibatan pemimpin-pemimpin belia bagi memartabatkan kegiatan golongan belia itu bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad dalam sembah alu-aluannya menjelaskan bahawa Program Diploma Dalam Kerja Pembangunan Belia akan dilaksanakan dengan kerjasama Program Belia Komanwel oleh semua agensi yang terlibat dalam pembangunan belia tidak lama lagi.

Program itu nanti, sembah Yang Berhormat akan menyuntik semangat dan memantapkan lagi kedudukan persatuan-persatuan

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. fatimah.noor@information.gov.bn

Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

Maslina Awang Kurus,

Zahrani Haji Bojeng,

Foto : Pg. Haji Bahar Pg. I.

Haji Sahrin Haji Asmat, Mas

belia serta persatuan-persatuan sukan dalam memajukan pembangunan belia di negara ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat menyeru semua pihak yang berkepentingan dalam pembangunan belia supaya akan terus bekerja keras dan responsif terhadap hal ehwal kebeliaan.

"Ini terutamanya tuntutan untuk melorongan tenaga belia di atas landasan peringat dan pendidikan yang melahirkan ummah belia yang takwa dan bertanggungjawab sesama insan," ujar Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai sambutan itu, Yang Berhormat menegaskan ba-



BACAAN Ikrar Belia sempena Hari Belia Kebangsaan dilafazkan oleh mahasiswa dari Universiti Brunei Darussalam, Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah (kanan).

PERWAKILAN belia dari pertubuhan beruniform yang terdiri dari Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri, Persatuan Bulan Sabit Merah, Kadet Tentera dan Kadet Polis sama-sama memeriahkan sambutan Hari Belia Kebangsaan (kiri).



BELIA KEBANGSAAN DI STADIUM TERTUTUP BERAKAS



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menjunjung keberangkatan baginda.



BAGINDA bersama ahli-ahli kerabat diraja berkenan merakamkan gambar kenangan bersama kesemua lapan orang penerima Anugerah Pemimpin Belia Berjasa bersempena sambutan Hari Belia Kebangsaan tahun ini.

penutupan Hari Belia Kebangsaan

di Noor



an

antestasi

an Ke-

an Baginda

g Di-Per-

g Darus-

glongan

ikan satu

an masya-

at pri-

ntu pen-

an Yang

duka Seri

an Maha

an Brunei

an tital

an antara

an bu-

dari pertubuhan beruniform iaitu Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Persatuan Pandu Puteri, Persatuan Bulan Sabit Merah, Kadet Tentera dan Kadet Polis yang diketuai oleh mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah.

Golongan belia di negara ini berikrar untuk sentiasa taat kepada Allah, setia kepada raja, menyenangi rasa cinta kepada negara serta mendukung kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu para

belia juga berikrar untuk mempertahankan kedaulatan negara sebagai negara Melayu Islam Beraja dan mematuhi Perlembagaan Negara, undang-undang serta berakhlak mulia dan terpuji.

Kemuncak sambutan itu ialah penyempurnaan Anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada lapan orang tokoh belia yang telah banyak menyumbang jasa bakti mereka serta pernah menerajui pucuk kepimpinan MBB dari sejak ia mula ditubuhkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah yang terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pg. Dr. Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim; Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Yang Berhormat Pe-

hin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Awang Jaya; Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin dan Pengiran Haji Suhaimi.

Penerima-penerima Anugerah Pemimpin Belia Berjasa menerima sebidang kain jong sarat, sebuah plak, sijil penghargaan berserta wang tunai \$3,000.00 setiap seorang.

Selain untuk mengeratkan persefahaman dan meningkatkan ukhuwah para belia, sambutan yang buat julung kalinya diadakan itu juga diharapkan akan menjadi ristaan dan meningkatkan serta memajukan lagi badan-badan sukarela di negara ini.



BAGINDA mengurniakan anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Dr. Haji Mohd. Yusof.



BAGINDA mengurniakan anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Mokhtar Puteh.



BAGINDA mengurniakan anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Pengiran Dato Paduka Haji Badaruddin.



BAGINDA mengurniakan anugerah Pemimpin Belia Berjasa kepada Pengiran Haji Suhaimi.



BACAAN Surah Al-Faatihah dan doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.



SEBAHAGIAN lebih 5,000 hadirin yang menghadiri sambutan Hari Belia Kebangsaan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah yang bertema 'Belia Kita Masa Depan Kita' (kiri).

Apa yang disemai, itulah yang akan dituai

Oleh: Haji Timbang Bakar timbang.bakar@information.gov.bn

SAMA ada kitani sedari atau tidak, sama ada kitani suka atau tidak, bukan lagi pokok persoalan. Yang jelas sekarang anak-anak muda kitani (sebahagiannya) telah dijadikan alat oleh pihak-pihak tertentu untuk melariskan produk-produk hiburan dan kostum mereka. Bunyinya macam persoalan remeh-temeh atau perkara biasa-biasa saja.

Ya, memang benar ia sudah biasa kita lihat, sudah lumrah kita saksikan, sudah kerap kita berhadapan, bahkan di mata-mata kita kerana ia ada di mana-mana, bukan saja di pentas-pentas pertunjukan fesyen, di televisyen, majalah-majalah, apa lagi di laman-laman web, video, filem, bukan saja di butik-butik, bukan saja di salun-salon, akan tetapi 'bajurit' di kaki lima, di stesen-stesen bas, di pusat-pusat membeli-belah, pendeknya di mana ada

golongan belia sangat mudah kita mendapatinya.

Barangkali disebabkan ia junterah itu kita pun semacam malas ingau kerana ketidak-ingauan kita itu maknanya pihak yang berkenaan dengan mudah saja menyuntik semangat dan gaya mereka dan seterusnya dengan mudah saja mengolah-olahkan anak-anak muda kitani menjadi macam-macam rupa, bentuk dan keolahan mereka menurut apa saja yang ingin mereka bentuk atau mahukan seperti kerbau dicucuk hidung.

Kita tidak pula bermaksud langsung tidak ada yang ingau, memang masih ada yang ingau sekurang-kurangnya pun bimbang dengan bibit-bibit kehancuran yang disemai melalui hiburan dan kostum yang tidak keruan itu. Terutamanya di kalangan ibu bapa atau orang tua yang memahami atau menyedari hakikat yang sebenarnya. De-

mikian juga kalau kita orang yang kuat berpegang kepada ajaran agama dan semangat patriotik kemelayuan kita begitu kuat dalam mempertahankan budaya Timur yang murni itu tentunya kita tidak rela dan tidak reda anak-anak kita dijadikan kerbau moden sedemikian itu.

Kan halnya, apa pun kedudukan dan situasi kita, perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana kesannya bukan sahaja terhadap anak-anak muda atau golongan belia, malahan juga yang lebih penting adalah terhadap kesucian agama Islam yang menjadi pegangan kita, terhadap imej kita sebagai orang Melayu dan orang Timur yang berbudaya sopan, berawar galat dan berakhlak mulia dan malahan imej negara kita sendiri.

Kini sudah jelas perkara yang dipandang ringan itu adalah merupakan isu yang

mesti diberi perhatian serius dan ditangani dengan bijak. Buktinya raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri telah menyentuh perkara ini dalam titah baginda di Majlis Hari Belia Kebangsaan 2006 baru-baru ini.

Baginda telah mengingatkan pemimpin-pemimpin belia khususnya, bahawa golongan belia, terutama belia remaja adalah sentiasa terdedah kepada eksploitasi pihak-pihak tertentu untuk kepentingan mereka. Ada belia-belia yang digunakan untuk melariskan pelbagai produk hiburan dan kostum yang tidak serasi dengan adat resam bangsa.

Kalau sudah raja kita sendiri yang mengambil berat mengenai perkara ini, bermakna ia bukan perkara remeh-temeh lagi. Selama ini kita seolah-olah rela dan reda anak-anak muda kita atau

mungkin kita sendiri menjadi mangsa pihak tertentu untuk merosakkan adat resam kitani dengan menggunakan atau memperalatkan kitani sendiri - wajarkah ini?

Soal mengapa belia jadi sasaran kita juga perlu menyedari bahawa sifat-sifat mereka itu menarik, di samping faktor kejiwaan di mana mereka itu mudah terpengaruh dengan perkara-perkara yang hangat dan baru tanpa berfikir baik buruk atau kesannya. Kesempatan inilah yang sering diambil oleh pihak-pihak berkenaan tanpa mempedulikan baik buruk - yang penting strategi mereka berjalan dengan licin dan kejayaan di tangan mereka - yang kecundang anak-anak bangsa kitani.

Atas rasa prihatin yang mendalam, baginda menyeru kita semua supaya jangan membiarkan eksploitasi terhadap kelemahan-kelemahan belia seumpama ini, sebaliknya ia perlu diambil perhati-

an serius serta ditangani menurut sewajarnya sebelum ia tumbuh sebagai isu sosial yang kronik. Di samping langkah-langkah tindakan, program-program menyuntik kesedaran beragama, kesedaran terhadap adat resam, budaya orang Brunei, cara berpakaian, sopan santun, awar-galat, hormat-menghormati dan bijaksana menerima pakai perkara-perkara baru.

Kita tidak perlu detailkan di sini apa dia hiburan dan kostum yang sepatutnya bukan dijayakan atau menjadi pakaian belia-belia kita itu, kerana selaku orang Melayu dan orang Islam kita sepatutnya sudah arif dan bijak dalam menentukannya dan menolaknya. Kerana kita bukan saja tidak rela diperalatkan ke arah perkara-perkara yang merosakkan kemasyarakatan kita tetapi juga untuk menjaga kesucian agama kita dan budaya kita. Sebab itu kita tidak boleh beranggapan impaknya terhadap belia cuma sedikit, apa

yang perlu kita fahami baik baik mengenai perkara ini ialah titah baginda yang begitu indah dan dalam maknanya: "... bahawa apa yang disemai, itulah pula yang akan dituai."

Kan halnya kita bukar pula bermaksud melariskan atau menolak mentah-mentah hiburan atau penggunaan kostum, tetapi biarlah hiburan dan kostum itu yang serasi dengan adat resam dan cara hidup kita di Brunei. Fesyen pakaian, anting-anting, rambut dan sebagainya bukan di larang mengikut yang terbit asalkan sesuai dengan adat resam kita dan tidak lari dari identiti kemelayuan. Demikian juga dengan hiburan hiburan yang keterlaluan yang bukan sekadar muzik dan nyanyian malahan juga membawa kepada pergaulan bebas, seks bebas, minum haram, dadah dan macam-macam lagi jenama maksiat yang boleh tersemat dalam hiburan yang tidak keruan itu

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

SEMANGAT kesukarelaan di kalangan ahli dan pemimpin-pemimpin belia di negara ini semakin berkurangan sejak akhir-akhir ini jika dibandingkan dengan pergerakan belia-belie dalam tahun 60-an ke 70-an.

Salah satu kemerosotan ini jika kita lihat ialah terdapatnya hambatan-hambatan tertentu yang memungkinkan para belia itu semakin kurang bergerak aktif dalam persatuan-persatuan belia yang juga kini menjadi perbualan hangat ketika ini, demikian pendapat Pengiran Haji Suhaimi bin Pengiran Haji Wahid, salah seorang penerima Anugerah Belia Berjasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang berlangsung pada 1 Ogos lepas, ketika ditemui oleh wakil Pusat Berita PB (PELITA BRUNEI) baru-baru ini.

Menurutnya, jumlah persatuan yang bergabung dengan Majlis Belia Brunei (MBB) adalah sebanyak 76 persatuan yang aktif hanyalah sekitar 40 buah persatuan.

Perkara sedemikian tegas beliau memerlukan perhatian yang khusus dan perlu difikirkan oleh pihak-pihak tertentu, lebih-lebih lagi peranan belia itu sebagai aset negara mempunyai tanggungjawab dalam memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara.

Penglibatan mereka dalam pelbagai bidang pembangunan dan kemajuan

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
fatimah.noor@information.gov.bn

seperti dalam persatuan-persatuan belia serta pertumbuhan pakaian seragam boleh mewujudkan hubungan yang muhibah dan perpaduan. Peranan belia sendiri ialah menjaga harta benda kerajaan, memelihara keindahan alam sekitar. Perkara ini tentunya akan membentuk mereka berdisiplin dan menjauhkan diri mereka daripada terjebak dengan gejala sosial.

"Pada saya, komitmen (iltizam) bermakna sikap memberikan sumbangan yang berupa tenaga perhatian keterlibatan dan azam bersungguh-sungguh kepada sesuatu kegiatan. Apa-

KEMEROSOTAN SEMANGAT KESUKARELAAN PERLU DIBERI PERHATIAN

bila sikap ini sebatik dalam diri belia dengan sendirinya ianya dapat membantu mereka untuk memberikan sumbangan dan bantuan terhadap bangsa dan negara," tegas Pengiran Haji Suhaimi.

Ketika memberikan pandangannya terhadap titah baginda semasa berkenan mengisytiharkan sambutan Hari Belia Kebangsaan pada minggu lepas, Pengiran Haji Suhaimi merupakan seorang yang mula aktif sejak awal tahun 1964 lagi, menyokong penuh titah baginda yang menyentuh para belia mestilah ada semangat sedia berkorban

kerana tanpa semangat ini semua aktiviti sukarela itu mustahil untuk dijemakan. Antara lain keistimewaan dan kekuatan semangat kesukarelaan bagi seorang warga bangsa, adalah penentu kepada tinggi rendahnya kemajuan yang kita capai. Bukankah pada jiwa yang rela itu terbuka seribu pintu usaha?

Dalam memperkatakan konsep sukarela, tambah Pengiran Haji Suhaimi yang pernah memegang pucuk pimpinan MBB, sukarela diistilahkan sebagai suatu kegiatan yang ikhlas dan jujur di dalam memberikan sumbangan terhadap pembangunan sosial, budaya, sukan sebagainya.

Dari itu, beliau merayu kepada belia-belie negara termasuk golongan terpelajar akan aktif dalam berpersatuan dengan memberikan kesan dan hasil yang baik di dalam pertumbuhan belia di negara ini serta dapatkan mereka ini membawa pertumbuhan belia ke satu matlamat yang lebih terarah dan terpinpin.

Ketika mengutip beberapa pengalaman melalui beberapa teman yang terpelajar, sebagai seorang yang mempunyai profesion dan sebagai salah seorang ahli kepada persatuan negara ini dan juga dari memerhatikan beberapa temannya yang mempunyai profesion yang berlainan, dapatlah dikatakan 'ilmu' yang ada dapat dimanfaatkan kepada perjalanan persatuan dan sedikit sebanyak dapat melicinkan perjalanan persatuan. Mereka juga mendapati bahawa pengalaman cara bekerja dengan sendirinya terbawa-bawa ke dalam cara bekerja di persatuan.

Seperti yang sama kita ketahui, negara kita banyak belia remaja yang berpelajaran tinggi dan terlibat dalam pelbagai profesion. Sudah tentulah kita berkemampuan untuk mewujudkan pergerakan belia yang berperanan lebih proaktif dan dapat memberi



PENGIRAN Haji Suhaimi bin Pengiran Haji Wahid penerima Anugerah Belia Berjasa, juga aktivis dan pemimpin belia.

sumbangan dalam pembangunan negara.

Menyingkap kembali zaman pergerakan belia dulu, mereka berkhidmat dengan membantu masyarakat dalam gerak kerja bergotong-royong. Ketika tahun 60 hingga 70-an semangat kesukarelaan di kalangan ahli MBB dan pemimpin amat tinggi.

Semogalah wawasan belia kita menjadi insan kamil, belia yang sempurna, terdidik dengan calak bangsa akan tercapai, insya-Allah, tegas Pengiran Haji Suhaimi, yang merupakan pemimpin belia yang semakin menyerlah sejak tahun 90-an hingga sekarang terutama di arena antarabangsa di mana beberapa kali memegang jawatan penting di badan serantau dan menjadi Bendahari Committee ASEAN Youth Cooperation (CAYC), Timbalan Presiden Majlis Belia Asia dan Ahli Jawatankuasa Perkumpulan Belia Se-dunia (WAY).

Insya-Allah, MBB telah menyusun strateginya untuk menggalakkan penyertaan para belia di negara ini dengan mengadakan konvensyen belia pada hujung bulan Ogos ini. Tujuan program-program yang dianjurkan oleh MBB nanti akan dapat menyuntik kesedaran di kalangan belia.

Beliau juga menyatakan terima kasih kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang membawa MBB dengan memilih seorang jawatankuasa tertinggi dalam Dasar Belia Negara, di samping Kementerian itu merujuk kepada MBB dalam program-program belia di negara ini.

Di akhir pertemuan, Pengiran Haji Suhaimi berasa bersyukur atas peng-anugerahan 'Belia Berjasa' dan selagi hayat dikandung badan, beliau akan meneruskan penglibatannya dalam pergerakan belia demi berjuang kepada raja, bangsa dan negara.



BERSAMA Presiden Jawatankuasa Kerjasama Belia ASEAN sempena Hari Belia ASEAN di Thailand pada tahun 1997.



PENGIRAN Haji Suhaimi ketika berucap di Majlis Ramah Mesra sempena lawatan Majlis Belia Brunei (MBB) ke Malaysia di Pusat Belia Antarabangsa Kuala Lumpur.

BELIA PERLU MANFAATKAN USIA DAN MASA DENGAN BAIK

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Dalam hasrat dan cita-cita kita untuk membangun ummah, membangun sesuatu bangsa dan negara bukan hanya bergantung kepada harta benda dan peruntukan, bahkan bergantung juga kepada tenaga manusia antaranya ialah golongan belia. Belia merupakan aset yang amat berharga serta tonggak dan kekuatan masa depan bagi sesebuah negara. Mereka adalah bakal pewaris kepimpinan negara dan kesinambungan umat di masa hadapan. Justeru itu mereka perlu diasuh, dididik dan dibimbing ke jalan yang benar sehingga menjadi generasi yang berilmu, beriman, beramal, bertaqwa dan berakhlak mulia.

Adalah menjadi harapan setiap negara mempunyai belia yang berkualiti dan cemerlang sehingga mampu membawa negara bergerak ke hadapan dengan lebih maju dan berjaya. Sehubungan dengan itu sebagai suatu pengiktirafan dan kepentingan terhadap pergerakan belia di negara ini, maka negara telah mengisytiharkan 1 Ogos sebagai Hari Belia Kebangsaan mulai tahun ini dengan tema 'Belia Kita Masa Depan Kita'.

Ada pun tujuan sambutan Hari Belia Kebangsaan ini diadakan adalah:

- * Untuk memartabatkan pergerakan belia dengan memperingati dan menyambut Hari Belia Kebangsaan.

- * Untuk mengumpulkan belia-belai di seluruh negara dalam satu perhimpunan dengan aktiviti-aktiviti yang bermakna.

- * Untuk memberi peluang kepada belia-belai berinteraksi dan bertukar pandangan dan pendapat dari pelbagai aspek.

- * Untuk mengeratkan lagi silaturahim dan menajana integrasi di kalangan belia.

Memang tepatlah dikatakan bahawa belia merupakan masa depan kita, kerana itu belia perlu sedar bahawa masa muda inilah peluang mereka untuk memanfaatkan usia dan masa dengan sebaik-baiknya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:


"Dari Ibnu Abas Radiallahuanhuma ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada seorang lelaki dan Baginda menasihatinya: Rebutlah lima perkara sebelum kamu didatangi oleh lima perkara yang lain. Masa mudamu sebelum tuamu; masa sihatmu sebelum sakitmu; masa kayamu sebelum fakirmu; masa lapangmu sebelum kesibukanmu dan masa hidupmu sebelum matimu." (Riwayat Al-Imam Al-Hakim).

Dari hadis tersebut jelaslah bahawa masa muda adalah peluang terbaik bagi memanfaatkan usia dan masa iaitu dengan memperlempangkan diri dengan asas keimanan yang kukuh serta menimba ilmu pengetahuan bagi

menghadapi masa depan yang penuh dengan cabaran. Kerana tanpa iman yang kukuh serta jati diri yang teguh dan mantap, para belia akan mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir negatif mahupun gejala-gejala yang merosakkan jiwa, minda dan aqidah seperti terlibat dengan penyalahgunaan dadah, perbuatan minum arak, (black metal), seks bebas dan sebagainya. Perbuatan sedemikian jelas bertentangan dengan nilai-nilai agama yang murni dan budaya bangsa kita.

Untuk menangani masalah tersebut, semua pihak terutama ibu bapa adalah berperanan untuk membimbing dan memimpin mereka agar tidak hanyut dengan kehidupan dunia yang melalaikan. Kerana telah jelas bahawa kurangnya didikan agama serta pengaruh persekitaran dan keadaan sekeliling yang negatif dan sebagainya adalah di antara punca berlakunya masalah gejala sosial. Apa yang lebih penting belia itu sendiri perlu sedar dan berusaha serta berazam untuk menyelamatkan dirinya dengan percaya dan bermotivasi agar menjadi belia yang berkeyakinan serta kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Islam telah menggariskan peranan dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan sebagai seorang belia Muslim yang beriman, di antaranya ialah taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Taat kepada Allah ialah dengan mencintai Allah Subhanahu Wata'ala lebih dari segala-galanya yang dibuktikan dengan beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala, beribadat kepada-Nya serta melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Adapun taat kepada Rasul ialah dengan mentaati segala perintahnya, mengasahi dan memulikan Baginda serta mengikut jejak langkah Ba-



ginda dalam setiap cara hidup, baik urusan dunia, mahu pun agama termasuklah dalam mencontohi keperibadian dan akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Adalah tidak kurang pentingnya juga tanggungjawab terhadap ibu bapa iaitu dengan mematuhi dan mentaati perintah dan suruhan kedua ibu bapa selama mana ianya tidak bertentangan dengan hukum Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 23 yang tafsirnya:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah me-

lainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa."

Dalam hal ini kita juga dituntut untuk berbakti, mengasahi, menghormati serta sentiasa menyenangkan hati kedua ibu bapa dengan tingkah laku dan tutur kata yang lemah lembut dan bersopan. Sentiasalah berdoa untuk kesejahteraan ibu bapa walaupun setelah mereka meninggal dunia.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Baihaqi ada menceritakan terdapat seorang lelaki dari Bani Sa'dah datang kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam lalu ia bertanya: "Ya Rasulullah! Sesungguhnya kedua ibu bapaku telah meninggal dunia, apakah aku masih boleh berbuat baik kepada kedua ibu bapaku setelah kematian keduanya? Jawab Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Ya, ada empat perkara: Mendoakan dan meminta ampun untuk mereka, melaksanakan janji mereka, memulikan sahabat mereka dan menghubungkan kasih sayang (silaturahim) kepada yang tiada hubungan kasih bagimu melainkan bagi pihaknya."

Selain dari itu, belia juga berperanan terhadap agama dan negara iaitu menegakkan syiar agama

MEMANG tidak dapat dinafikan lagi bahawa belia yang telah memenuhi tanggungjawab mereka adalah belia yang cemerlang, merekalah yang menjadi harapan bangsa dan masa depan negara. Mereka menjadi contoh dan ikutan yang baik untuk ditauladani yang membawa kepada kecemerlangan ummah.

Islam dengan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Kerana amalan tersebut boleh menjadi benteng untuk menangkis segala gejala buruk dari merosakkan jiwa dan meracun minda yang akibatnya nanti merosakkan belia dan masa depan negara.

Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa belia yang telah memenuhi tanggungjawab mereka adalah belia yang cemerlang, merekalah yang menjadi harapan bangsa dan masa depan negara. Mereka menjadi contoh dan ikutan yang baik untuk ditauladani yang membawa kepada kecemerlangan ummah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dari Jabar ia berkata, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebaik-baik manusia ialah orang yang bermanfaat bagi orang lain." (Riwayat Al-Imam Al-Tabrani).

Selain daripada itu golongan belia juga telah dijanjikan dengan kedudukan yang tinggi dan tergolong ke dalam tujuh golongan yang mendapat perlindungan di hari kiamat ketika berada di Padang Mahsyar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam

bersabda: Ada tujuh golongan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di dalam naungan-Nya, iaitu pada hari tiada naungan lagi melainkan naungan yang dimiliki oleh Allah pada hari kiamat, mereka itu ialah imam yang adil, pemuda yang hidup sejak kecil hingga matinya sentiasa beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Akhirnya sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberi taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua, khususnya golongan belia agar belia belia negara kita ini mempunyai keperibadian yang kukuh yang sentiasa bergerak ke arah usaha membangun ummah dan negara serta sentiasa berada di landasan yang benar dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nahl, ayat 97 yang tafsirnya:

"Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik, dan sesungguhnya kami akan membalakan pahala yang lebih baik dari apa yang mereka telah kerjakan."

وقت سمبھيڻ، امساڪ، شوروڻو دان ڏھڻ

وقت ۲ سمبھيڻ، امساڪ، شوروڻو دان ڏھڻ ٻاڳي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 15 رجب، 1427 برسماامن دڻ 19 آوگوس، 2006 هيڱڻ كهاري ثلاث، 21 رجب، 1427 برسماامن دڻ 15 آوگوس، 2006 اداله سڦرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساڪ	صبح	شوروڻو	ضحى	مسيحي
رجب	ڏھڻ	ڏھڻ	ڏھڻ	ڏھڻ	ڏھڻ	ڏھڻ	ڏھڻ	ڏھڻ	ڏھڻ
15	12.27	3.46	6.35	7.47	4.46	4.56	6.16	6.40	9
16	12.27	3.45	6.35	7.47	4.46	4.56	6.16	6.40	10
17	12.27	3.45	6.35	7.47	4.46	4.56	6.16	6.40	11
18	12.27	3.44	6.34	7.46	4.47	4.57	6.16	6.40	12
19	12.27	3.43	6.34	7.46	4.47	4.57	6.16	6.40	13
20	12.26	3.43	6.34	7.46	4.47	4.57	6.16	6.40	14
21	12.26	3.42	6.34	7.45	4.47	4.57	6.16	6.40	15

وقت ۲ سمبھيڻ ٻاڳي دائره توتوڻو ڏھڻ سمبھيڻ فرض جمعة دسلورو نڱارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوڪل 12.45 ٿھاري.

HARI BELIA

OLEH H. A. MANAP

PADA setiap 1 Ogos akan menjadi tarikh keramat bagi warga belia yang ada di negara kita, Negara Brunei Darussalam. Semasa bertitah di Hari Belia Kebangsaan baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan untuk menjadikan tarikh 1 Ogos sebagai tarikh bagi warga belia diingati dan bagi membolehkan setiap belia berhimpun untuk meraikan hari istimewa bagi mereka. Sesungguhnya pengisytiharan hari belia ini adalah merupakan keistimewaan yang mempunyai mesej yang amat mendalam bagi diri setiap belia yang ada di Negara Brunei Darussalam. Mesej penting ialah pemedulian yang ingin melihat para belia tanah air menjadi kelompok masyarakat yang tidak terbiar. Justeru pengisytiharan ini adalah amat bertepatan di saat kita sedang menggembleng tenaga untuk menumpukan perhatian agar setiap belia yang ada di negara kita ini benar-benar menjadi aset yang amat berguna.

Kedudukan dan status golongan belia di negara kita amat strategik, kerana jumlah mereka yang menjalmai bumi tercinta Brunei Darussalam ini adalah melebihi separuh dari jumlah penduduk yang ada. Kerana itu tidak pernah hentinya generasi belia itu dilihat sebagai aset negara yang sangat penting. Mereka adalah merupakan harta yang amat berharga. Kualiti yang mereka miliki adalah menjadi sukat-sukat sejauh mana nanti kita mampu bergerak sebagai sebuah masyarakat yang maju ke hadapan dan tidak mudah terjejas dengan sebarang ancaman yang dianggap boleh melumpuhkan pertumbuhan dan kemajuan belia itu sendiri. Apabila belia sebagai aset penting, maka adalah bertepatan jika setiap kita menjuruskan perhatian yang serius dalam memeduli pertumbuhan mereka. Kita tidak mahu melihat bahawa generasi yang baru tumbuh ini akan layu di tengah jalan. Hal ini bukan sahaja akan merosak kehidupan mereka, akan tetapi ia juga akan mengakibatkan kerugian besar negara. Kita tidak boleh mengambil ringan mengenai pertumbuhan generasi belia ini.

Kita sedia maklum di negara kita pertumbuhan dan perkembangan generasi belia kita lebih banyak tertumpu kepada kegiatan berpersatuan sehingga kita mampu melahirkan generasi yang berdisiplin tinggi. Namun sebaik kita mula terdedah dengan perubahan zaman dan keadaan persekitaran yang mencabar, maka banyaklah perkara yang menjadikan mereka jauh dari berpersatuan. Nilai kuat berpersatuan adalah sangat baik dijadikan budaya berbelia. Kerana melalui proses sedemikian ini kita boleh mewujudkan generasi belia yang aktif, dinamik dan juga berilmu. Melalui kegiatan berpersatuan kita akan melahirkan generasi kuat dan teguh pendirian. Ini juga akan mampu melahirkan barisan yang kukuh dan tidak mudah tercemar oleh gejala dan hasutan yang merosak kehidupan mereka. Gejala sosial tidak dapat lari daripada dihubungkan dengan generasi belia. Hal ini jelas kerana ramai kalangan belia dengan semudahnya terlibat dengan gejala sedemikian.

Namun hal sedemikian masih boleh dibendung dan dihindarkan andainya setiap diri belia menyedari akan peranan dan tanggungjawab mereka.

Hari ini kita melihat kurangnya minat mereka untuk berpersatuan patut diperhatikan dengan penuh keinsafan dan kesedaran bersama. Kita tidak mahu generasi belia yang ada di negara kita akan terus-menerus menjadi mangsa kepada gejala perosak dan perubahan yang tidak menguntungkan mereka. Kegiatan berpersatuan yang lebih teratur dan kemas kini dalam merancang setiap kegiatan dan gerakan mereka akan dapat membantu mewujudkan generasi yang kuat dan mampu lagi berwibawa dalam mendepani setiap perubahan dan cabaran baru yang datang kepada mereka. Kita perlu mencari jalan yang lebih sesuai untuk menjadikan budaya berpersatuan, dijadikan sebagai 'platform' perkembangan dan pertumbuhan mereka. Sampai sudah masa dan ketikanya untuk kita mengajak lebih ramai generasi belia yang berilmu dan berpengetahuan tinggi untuk kembali menghidupkan suasana berpersatuan. Langkah ini merupakan langkah penting ke arah mewujudkan senario baru dalam berpersatuan yang kini semakin damai sambutannya.

Generasi belia juga patut melihat kemampuan dan keupayaan mereka, kerana apa yang ada pada mereka adalah modal yang boleh dijadikan sebagai proses pembinaan yang lebih konstruktif dan produktif. Penggemblengan tenaga kalangan generasi belia yang berilmu kini bukan lagi menjadikan suatu yang tidak penting, malahan ia perlu dilihat sebagai asas pembinaan diri dan masyarakat belia yang lebih dihormati. Sebaik sahaja pengisytiharan 1 Ogos sebagai Hari Belia Kebangsaan, setiap diri belia yang ada di negara kita ini perlu merapatkan barisan dan mempersiapkan diri. Masing-masing diri setiap belia harus melihat sekarang sebagai suatu kewajipan bersama untuk mewujudkan sebuah kelompok masyarakat belia yang dihormati dan disegani. Kita tidak boleh lagi menjadi penonton suasana, malahan generasi belia perlu menjadi 'player' dan penyumbang kepada setiap pergolakan dan perubahan sekeliling yang berlaku. Di saat segalanya mahu dilakukan generasi belia kita juga tidak boleh lari dari tanggungjawab bernegara yang patut dijadikan sebagai sukat-sukat untuk membina tamadun belia yang berwibawa ini. Kewajipan terhadap raja, negara dan agama tercinta harus dijadikan sebagai resipi yang akan membantu mewujudkan keinginan yang murni melahirkan generasi yang teguh kental dan gagah mendepani masa depannya. Biarlah belia yang akan lahir di bumi Brunei Darussalam ini sebagai kelompok masyarakat belia yang disegani kerana berilmu dan berpengetahuan tinggi. Mahir berperanan dan mampu ke hadapan dengan lebih bertenaga dan mampu berdaya saing. Daya saing yang tinggi inilah nanti akan dijadikan sebagai aset besar negara untuk menjadikan generasi belia itu sebagai generasi pewaris kepimpinan bangsa.